



**PERKESO**

# Prihatin

Jun 2024

**PERKESO**  
untuk Semua



# Rancang masa depan

Lindungi diri dan keluarga bersama PERKESO.



DALAM tempoh enam tahun, Malaysia dijangka menjadi negara menua apabila 15.3 peratus daripada keseluruhan penduduk mencecah usia 60 tahun ke atas.

Bahang fenomena global ini kian terasa apabila dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, terdapat lonjakan 57 peratus permohonan Pencen Ilat dalam kalangan pencarum PERKESO, namun kira-kira 80 peratus daripadanya ditolak oleh Jemaah Doktor kerana didapati tidak mengalami keilatan.

Permohonan Pencen Ilat daripada pencarum berusia 55 tahun ke atas ini dipercayai sebagai 'insurans' usia tua apabila mereka tidak lagi bekerja, susulan kesan tiga faktor utama iaitu peningkatan jumlah warga emas dan jangka hayat, lonjakan inflasi termasuk caj perubatan dan kelompongan pengurusan dana penceran.

Tempias daripada perubahan demografi yang turut melanda negara di seluruh dunia ini tidak harus dipandang enteng, terutama dengan pertumbuhan sektor kerja tidak formal selari lonjakan pantas dunia pendigitalan.

Kajian terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melibatkan 6,657 pekerja p-hailing mendapati 97 peratus daripadanya adalah terdiri daripada golongan belia, iaitu mereka berusia bawah 40 tahun.

Apa yang lebih membimbangkan adalah 73 peratus daripada belia berkenaan menjadikan pekerjaan p-hailing sebagai sumber pendapatan utama mereka.

Sebagai individu yang turut menggalas peranan sebagai Presiden International Social Security Association (ISSA), Malaysia memerlukan reformasi menyeluruh demi memastikan keterangkuman perlindungan keselamatan sosial, termasuk membabitkan kelestarian simpanan hari tua.

Justeru, ISSA mengesyorkan untuk Malaysia yang merupakan antara 17 negara di dunia yang masih menggunakan kaedah penceran konvensional sebagai sandaran ketika ini untuk



**Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO

beralih ke model hibrid.

Penyelesaian tuntas dalam hal ini amat mendesak memandangkan penceran adalah satu daripada sembilan cabang utama keselamatan sosial, seperti dipersejui Malaysia ketika menandatangani Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1952 iaitu Konvensyen 102; Standard Minimum untuk Keselamatan Sosial.

# Faedah caruman untuk semua

Sejajar visi PERKESO sebagai peneraju keselamatan sosial yang unggul, komprehensif dan dinamik.

BAYANGKAN seorang bapa atau ibu keluar bekerja, tetapi terlibat kemalangan ketika dalam perjalanan. Akibat musibah tersebut, mereka tidak lagi mampu untuk kembali bekerja seperti biasa kerana menderita sakit kronik atau hilang upaya.

Lebih parah lagi apabila kemalangan meragut nyawa sehingga pasangan menjadi balu atau duda serta anak-anak kecil yang masih belum mengerti apa-apa.

Senario yang berbeza, mungkin syarikat tempat mencari rezeki ditutup secara tiba-tiba, siapakah yang akan menanggung perbelanjaan bulanan dan keluarga sementara mendapat pekerjaan lain?

Sekadar bayangan, namun itulah realiti sebenar kehidupan 34 juta rakyat Malaysia setiap hari. Tidak terkecuali mereka yang berstatus bujang, bekerja sendiri ataupun suri rumah sepenuh masa.

Justeru, demi melindungi kebajikan rakyat Malaysia, golongan pekerja sektor formal dan mereka yang bekerja sendiri diwajibkan mencarum di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

la sejajar dengan misi PERKESO iaitu melindungi individu daripada kehilangan upaya, bencana pekerjaan, hilang pekerjaan, pengangguran, penyakit dan kematian serta meningkatkan kecekapan dalam kadar pasaran buruh.

Seperti yang dijelaskan oleh Ketua Pegawai Faedah PERKESO, Mustafa Draman, masih ramai yang tidak tahu faedah dan kepentingan mencarum dalam PERKESO sehingga mereka mengalami musibah.

“Secara asasnya PERKESO menyediakan Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

“Ini termasuklah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bawah Akta



**MUSTAFA DRAMAN**  
Ketua Pegawai Faedah  
PERKESO.

Antara kisah yang saya tidak dapat dilupakan adalah kes seorang ibu tunggal. Beliau mungkin tidak tahu bawanya arwah suaminya pencarum PERKESO lalu, membesarakan anak-anaknya sendirian sehingga dewasa. Beliau hanya sedar mengenai caruman PERKESO selepas anak-anak sudah masuk ke universiti. Beliau membuat permohonan dan mendapat bantuan Pencen Penakat. Malah, syer bayaran anak-anaknya juga dibayar semula kepada anak-anak mengikut syarat ditetapkan biasanya hingga anak berusia 21 tahun. Semasa memohon anaknya baru sahaja menyambung ijazah sarjana muda dan PERKESO terus membayar syer anaknya sehingga tamat pengajian ijazah pertama. Walaupun sudah lama, tetapi permohonan masih sah jika disertakan dokumen lengkap. Si ibu tadi menerima Pencen Penakat seumur hidup, meskipun arwah suami telah lama meninggal dunia.”

Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838) yang diperkenalkan pada Disember 2022.

“Menerusi Skim Bencana Pekerjaan, pencarum dilindungi daripada kemalangan

Dari sebelah

semasa menjalankan pekerjaan, kemalangan dalam perjalanan dari kediaman ke tempat kerja, kemalangan semasa kecemasan dan penyakit khidmat (penyakit disebabkan pekerjaan)," katanya.

Beralih kepada SKSPS sebanyak 20 sektor diperkenalkan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2017 rentetan daripada perkembangan sektor gig sejak kebelakangan ini.

Skim ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia atau pemastutin tetap tanpa mengira had umur yang bekerja sendiri.

"Skim ini memberi perlindungan kepada pencarum daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.

"Misalnya, pemandu e-hailing kemalangan atau ditimpa bencana ketika bekerja, mereka boleh memohon faedah-faedah yang disebutkan di atas bergantung kepada keadaan



dan syarat yang ditetapkan.

"Jadi, saya amat galakkan untuk orang yang bekerja sendiri mencarum mengikut pelan caruman pilihan serendah RM13.10 sehingga RM49.40 sebulan," jelas Mustafa lanjut.

Begitu juga SIP yang ditubuhkan pada 1



## FAEDAH SKIM BENCANA PEKERJAAN DAN FAEDAH SKSPS

 <p>Faedah Perubatan</p>	 <p>Faedah Hilang Upaya Kekal</p>	 <p>Faedah Hilang Upaya Sementara</p>	 <p>Faedah Orang Tanggungan</p>
 <p>Kemudahan Pemulihan Jasmani/Vokasional</p>	 <p>Elaun Layanan Sentiasa</p>	 <p>Faedah Pengurusan Mayat</p>	 <p>Faedah Pendidikan</p>



Januari 2018, ia menyediakan penggantian pendapatan kepada pencarum yang kehilangan pekerjaan.

Sementara itu, SKSSR pula bertujuan menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana

domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga secara sepenuh masa ataupun tidak.

Syaratnya adalah wanita tidak kira apa jua status dipegang sama ada isteri, ibu, janda, balu atau ibu tunggal belum mencapai umur 55 tahun.

“Caruman boleh dilakukan oleh suami suri rumah atau pihak ketiga bagi suri rumah. Suri rumah mestilah berusia tidak sampai 55 atau belum mencapai umur 54 tahun pada tarikh kali pertama melakukan caruman.

“Pencarum perlu melakukan caruman sebanyak RM120 dalam tempoh 12 bulan berturut-turut. Bezanya skim ini dengan Skim Bencana Pekerjaan, elaun layanan sentiasa akan terhenti apabila suri rumah mencapai usia 55 tahun atau meninggal dunia.

“Begitu juga dengan pencen penakat, penerimaan akan dibayar hingga berusia 55 tahun dan bayaran akan terhenti jika duda suri rumah berkenaan berkahwin semula,” tutur Mustafa.

Bagi mereka yang ingin memohon faedah PERKESO caranya cukup mudah hanya mengisi borang 34 bersama dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, sijil mati, sijil nikah/kahwin dan sijil kelahiran anak.

Dokumen lain yang diperlukan termasuklah laporan perubatan dan salinan penyata atau maklumat akaun bank. Maklumat lanjut sila layari laman sesawang PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).



### FAEADAH SKIM KEILATAN AKTA 4

- Pencen Ilat
- Bantuan Ilat
- Elaun Layanan Sentiasa
- Pencen Penakat
- Kemudahan Pemulihan Jasmani/Vokasional/ Return To Work (Kembali Bekerja)/ Dialisis
- Faedad Pengurusan Mayat
- Faedad Pendidikan

## Kembali bangkit dengan bantuan PERKESO

Jangan sampai sudah terhantuk baru tengadah, pastikan semua mencarum demi kesejahteraan pada masa hadapan.



BERPEGANG pada moto 'PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO', agensi keselamatan sosial tersebut terus komited melindungi tenaga buruh yang menjadi aset penggerak industri negara.

PERKESO agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menyediakan perlindungan secara menyeluruh terhadap semua pekerja yang mencarum melalui skim-skim perlindungan berpandukan akta yang telah ditetapkan.

Para pencarum memiliki keistimewaan bukan sahaja dari segi bantuan kewangan dan perubatan, malah PERKESO memastikan kelangsungan hidup buat pekerja yang terkesan akibat pelbagai faktor seperti mengalami kemalangan, jatuh sakit, kehilangan pekerjaan dan sebagainya.

PERKESO memberi sinar baharu kepada ribuan pencarum yang menikmati manfaat hasil daripada caruman skim-skim tertentu. Berikut antara kisah dikongsikan oleh beberapa pencarum mengenai musibah yang menimpanya dan bagaimana faedah caruman membantu mereka kembali bangkit meneruskan kehidupan.

## TESTIMONI 1:

Diberhentikan kerja secara tiba-tiba

Noor Nadiah Hairul Anuar, 27, kehilangan pekerjaan selepas syarikat majikannya muflis.

Setelah mendapat tahu mengenai faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Noor Nadiah layak menerima Elaun Mencari Pekerjaan (EMP).

"Saya menerima faedah berbentuk elaun sepanjang kehilangan pekerjaan. Pegawai PERKESO membantu saya dalam menerangkan proses pembayaran elaun tersebut dan proses mencari pekerjaan."

Noor Nadiah kini bekerja sebagai eksekutif kewangan dan pentadbiran di sebuah syarikat baharu selepas



menganggur lebih kurang sebulan setengah.

SIP telah diperkenalkan pada 1 Januari 2018 di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Ia merupakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui bantuan kewangan segera dan perkhidmatan carian pekerjaan.

Faedah SIP yang boleh dimanfaatkan oleh pekerja yang kehilangan pekerjaan seperti Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Pendapatan Berkurangan, Elaun Bekerja Semula Awal, Fi dan Elaun Latihan dan Program Penempatan Pekerjaan Semula.

## FAEDAH SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP)

### Elaun mencari pekerjaan

Bantuan kewangan bagi tempoh 3-6 bulan pada kadar menurun daripada 80%, 50%, 40% dan 30% berdasarkan purata gaji bulanan anggapan (tertakluk kepada kelayakan).



### Elaun bekerja semula awal

Insentif kewangan bagi pemohon yang kembali bekerja semula awal dalam tempoh baki Elaun Mencari Pekerjaan.



### Elaun pendapatan berkurangan

Bantuan kewangan bagi pemohon yang mempunyai lebih daripada satu majikan dan telah kehilangan satu atau lebih pekerjaan



### Elaun latihan

Menyediakan elaun latihan pada kadar harian sebanyak RM10-RM20 berdasarkan purata gaji bulanan anggapan.



### Fi latihan

Pembentangan yuran latihan yang dibayar terus kepada penyedia latihan pada kadar maksimum hingga RM4,000.



### Penempatan pekerjaan & kaunseling kerja

Aktiviti carian pekerjaan dirangka bersama Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan melalui MYFutureJobs yang menyediakan padanan pekerjaan yang bersesuaian berdasarkan pelbagai faktor termasuk pengalaman dan kemahiran pencari kerja.



## TESTIMONI 2:

### Ketua keluarga meninggal, anak-anak hilang tempat bergantung

Norpahidah Mat Zaman merupakan bahu kepada Md Rizal Atan, 47, yang terkorban dalam kejadian pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur pada bulan Mei lalu.

"Apabila saya terima berita suami sudah tiada, saya tidak percaya dan rasa kosong. Saya hanya memikirkan masa depan anak-anak yang masih bersekolah."

Di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Norpahidah sebagai waris layak menerima Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM2,000 dan Faedah Orang Tanggungan secara bulanan dengan anggaran RM3,400.

"Saya menerima sumbangan makanan dapur dan duit bantuan daripada pihak PERKESO serta bantuan bulanan sara hidup untuk menampung perbelanjaan keluarga," kata ibu

kepada empat orang anak itu.

Faedah itu dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila pencarum yang dilindungi PERKESO meninggal dunia akibat bencana pekerjaan.

Di bawah Akta 4 juga terdapat faedah Pencen Penakat yang layak diterima oleh waris di bawah Skim Keilatan.

Bermula 1 Jun 2021, majikan wajib mendaftarkan pekerja domestik yang digajikan dengan PERKESO bagi memastikan mereka dilindungi apabila berlaku sebarang kemalangan atau kejadian tidak diingini semasa melakukan pekerjaan.

Kegagalan berbuat demikian adalah kesalahan di bawah Akta 4 dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh dijatuhi hukuman denda sehingga RM10,000 atau dipenjarakan sehingga 2 tahun atau kedua-duanya sekali.



### AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4)

#### KELAYAKAN SKIM

Akta/Pekerja Domestik	Akta 4	Skim Bencana Pekerjaan	Skim Keilatan
Warganegara Malaysia	Layak	Layak	Layak
Pemastautin Tetap (PR)	Layak	Layak	Layak
Pemastautin Sementara (TR)	Layak	Layak	Layak
Pekerja Asing	Layak	Tidak layak	
Kadar Caruman Majikan	1.25%	0.5%	
Kadar Caruman Pekerja	-	0.5%	



## SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH (SKSSR)



Cara pendaftaran dan pembayaran

### CARUMAN

Caruman sebanyak RM120 perlu dibayar terlebih dahulu bagi tempoh 12 bulan berturut-turut.

Caruman boleh dibuat oleh suami, suri rumah, keluarga atau mana-mana pihak ketiga bagi suri rumah tersebut.

Sekiranya seorang suami memilih untuk membuat caruman untuk isterinya, prinsip *once in, always in* akan terpakai bagi memastikan suri rumah mendapat perlindungan berterusan.

Jika suami tidak berupaya meneruskan caruman disebabkan hilang pendapatan dan sebagainya, PERKESO perlu dimaklumkan dalam tempoh 60 hari sebelum tamat tempoh caruman sedia ada.

- Kunjungi mana-mana pejabat PERKESO ● Layari Portal Suri PERKESO [suri.perkeso.gov.my](http://suri.perkeso.gov.my)

### TESTIMONI 3:

Mengurangi beban menjaga isteri uzur

Mohd. Zulkipli Abdullah, 47, dari Kuching, Sarawak merupakan salah seorang penerima faedah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) selepas beliau kehilangan isteri baru-baru ini.

Arwah isteri kepada Mohd. Zulkipli meninggal dunia selepas bertarung dengan barah selama lebih kurang enam tahun.

SKSSR yang berkuatkuasa pada 1 Disember 2022, diperkenalkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838).

"Arwah isteri saya bekerja di sebuah perusahaan kek lapis Sarawak sebelum meninggal dunia dan mencarum di bawah skim ini.

"Melalui SKSSR, saya sekeluarga menerima beberapa bantuan yang dapat



meringankan beban kami sekeluarga memandangkan saya tidak bekerja," ujar bapa kepada tiga orang anak itu.

Ketiga-tiga anak Mohd. Zulkipli layak menerima Faedah Pencen Penakat sehingga umur mereka mencecah 21 tahun atau berkahwin atau jika masih belajar sehingga tamat pengajian ijazah pertama.

Faedah Pencen Penakat layak diterima waris jika suri rumah berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai usia 55 tahun akibat bencana domestik atau sedang menerima eluan keuzuran atau mati atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan.

Pencen Penakat dibayar kepada duda atau ibu bapa warganegara Malaysia hingga mencapai umur 55 tahun sahaja.

Bayaran Pencen Penakat kepada duda juga akan terhenti jika duda berkahwin semula.

## TESTIMONI 4:

Terima faedah di bawah sektor kesenian

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789).

Mulai 1 Januari 2020, perlindungan SKSPS telah diperluaskan kepada 19 sektor pekerjaan sendiri yang lain menjadikan sebanyak 20 sektor di bawah perlindungan skim berkenaan. Individu bekerja sendiri yang mencarum di bawah skim berkenaan akan mendapat perlindungan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar dan diperakui menerusi resit bayaran caruman.

Wan Saiful Shahrizan Wan Nawi, 41, salah seorang pekerja di bawah sektor kesenian telah menerima faedah di bawah SKSPS selepas terlibat dalam kemalangan.

Wan Saiful Shahrizan yang telah berkecimpung dalam dunia perfileman sebagai pengarah selama lebih kurang 21 tahun layak menerima bantuan peralatan perubatan seperti katil hospital, kerusi roda biasa dan *heavy duty* (untuk tujuan kembali ke pekerjaan), bantuan fisioterapi dan terapi pekerjaan.

Bukan itu sahaja, beliau juga menerima bantuan kewangan dan diberikan cuti sakit berbayar sepanjang tempoh rawatan serta mendapat pampasan dan pencek bulanan



daripada pihak PERKESO.

"PERKESO antara bantuan terawal yang saya terima. Dengan bantuan-bantuan ini sedikit sebanyak meringankan beban memandangkan tidak dapat bekerja dalam tempoh lama.

"Pada masa sama banyak perubahan fizikal seperti stamina, kekuatan badan selepas dimasukkan ke pusat rehabilitasi PERKESO," ujarnya.

Bercerita lanjut, beliau menjelaskan bahawa segala urusan di bawah SKSPS amat mudah dan banyak dibantu oleh pegawai-pegawai PERKESO.

## SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS)

Sektor Pekerjaan Sendiri	Pembuatan	Perkhidmatan Profesional
Sektor Pengangkutan	Pembinaan	Perkhidmatan Sokongan
Penumpang	Penjaja	Kesenian
Pertanian	Premis Penginapan	Perkhidmatan Isi Rumah
Penternakan	Perniagaan Online	Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan
Perhutanan	Teknologi Maklumat	
Perikanan	Pemprosesan Data	Pengangkutan Barang atau Makanan
Makanan	Ejen	

# SIP platform persediaan alam kerjaya

Inisiatif beri akses kepada padanan pekerjaan para graduan dalam membina kerjaya.

SISTEM Insurans Pekerjaan (SIP) telah diperkenalkan pada 1 Januari 2018 di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) bagi melaksanakan fungsi insurans pekerjaan dan perkhidmatan pekerjaan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Di bawah SIP, terdapat pelbagai faedah yang boleh dimanfaatkan golongan yang kehilangan pekerjaan seperti Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Pendapatan Berkurangan, Elaun Bekerja Semula Awal, Yuran dan Elaun Latihan serta Program Penempatan Pekerjaan Semula.

Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, Azirruan Arifin berkata, pada tahun 2020, SIP telah diiktiraf sebagai Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Nasional, sekali gus membolehkan ia memperluaskan perkhidmatan pekerjaan kepada semua kumpulan dalam Pasaran Buruh Aktif.

"Antara kumpulan sasaran daripada kalangan pencari kerja adalah pekerja yang kehilangan pekerjaan, pekerja yang mencari peningkatan kerjaya, graduan, lepasan sekolah, orang kurang upaya, wanita, warga emas, pencari kerja dari kawasan pedalaman, Orang Asli, bekas orang diparol atau bekas penghuni penjara dan lain-lain lagi.

"Selain itu, pelbagai intervensi telah dilaksanakan oleh SIP bagi Pasaran Buruh Aktif di negara ini melalui program Profiling Kerjaya MYFutureJobs, Program Kebolehpasaran, Siri Temu Duga, Siri Karnival Kerjaya dan Siri Latihan.

"Malah, melalui portal MYFutureJobs yang menawarkan pelbagai peluang kerjaya di seluruh negara, pencari kerja dan majikan boleh menggunakan portal ini secara percuma. Sejak diwujudkan pada tahun 2020 seiring dengan peranan SIP sebagai penyedia perkhidmatan pekerjaan nasional, seramai 2.6 juta pencari kerja dan 150,000 majikan telah berdaftar di portal tersebut," jelas Azirruan.



**AZIRRUAN ARIFIN**

Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO

Dengan portal MYFutureJobs, ia berperanan sebagai pusat utama, mempromosikan proses pengambilan pekerjaan yang efisien, mengurangkan masa untuk merekrut dan memperkuat pasaran buruh di Malaysia. Diharap pencari kerja memperoleh akses kepada pelbagai peluang pekerjaan di pelbagai industri, sementara majikan dapat menggunakan sumber bakat tempatan yang sejajar dengan keperluan khusus mereka."

## Pekerjaan untuk graduan

Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) turut mendapat perhatian PERKESO. Dalam usaha mempersiapkan mereka memasuki alam pekerjaan, SIP memberi fokus kepada pembangunan akar umbi bagi menyediakan pemain industri di negara ini kekal berdaya saing dalam tempoh 2 hingga 10 tahun akan datang.

Ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk membentuk modal insan mampar, buktinya sebanyak sembilan inisiatif Belanjawan 2024 Malaysia MADANI disalurkan kepada PERKESO iaitu dua daripadanya fokus kepada persediaan pelajar sekolah dan pelajar IPT.

Pertama, peruntukan dana bagi mewujudkan Pusat Penempatan dan Penerokaan Kerjaya Kebangsaan di bawah PERKESO sebagai lokasi sehenti untuk graduan muda dan pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan.

Lihat sebelah

Dari sebelah



Tawaran **50,000** peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan menerusi ***Malaysia Short-Term Employment Programme*** (MySTEP).



Sebanyak **293 Pusat Satelit MYFutureJobs** diwujudkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seluruh Malaysia.



**Career Exploration Programme (CEP) MYFutureJobs**  
dilaksanakan di 68 buah sekolah dengan penglibatan seramai **9,500 orang murid**, khususnya pelajar **tingkatan 4 dan 5**.

Sejumlah 296 program telah disasarkan untuk dilaksanakan di IPTA dan PTS di seluruh negara dengan penyertaan hampir **30,000 bakal graduan** dan **1,500 majikan**.



Kedua, peruntukan dana bagi melaksanakan Program Eksplorasi Kerjaya dalam memberi pendedahan kepada golongan pelajar dan guru kaunseling kerjaya di sekolah.

“Dalam memastikan peluang pekerjaan ke sektor awam, inisiatif *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP) akan memberi akses kepada padanan pekerjaan dalam kalangan graduan untuk membina kerjaya masa depan dan meraih pendapatan lebih tinggi.

“Kewujudan Pusat Satelit MYFutureJobs di pusat-pusat pengajian tinggi seluruh Malaysia bertujuan memberi penekanan kepada penyampaian perkhidmatan pekerjaan

serta peluang-peluang kerjaya yang boleh diteroka secara terus oleh bakal graduan. Malah aktiviti temu duga bersama majikan-majikan yang menawarkan peluang pekerjaan bersesuaian juga dilaksanakan di Pusat Satelit MYFutureJobs tersebut,” ujar Azirruan lagi.

Dengan portal MYFutureJobs, ia berperanan sebagai pusat utama mempromosikan proses pengambilan pekerjaan efisien, mengurangkan masa merekrut dan memperkuat pasaran buruh di Malaysia. Diharap pencari kerja memperoleh akses kepada pelbagai peluang pekerjaan manakala majikan dapat menggunakan sumber bakat tempatan sejajar keperluan khusus mereka.

## PROGRAM CAREER EXPLORATION PROGRAMME (CEP) MYFUTUREJOBS

Memberi pendedahan awal berkaitan dunia pekerjaan dalam kalangan pelajar.

Membangunkan potensi pelajar mengikut padanan pekerjaan bersesuaian melalui kaedah ujian personaliti kerjaya MYFutureJobs.

Membantu pelajar pilih bidang pengajian dan kerjaya berdasarkan minat dan kemahiran.

Dengan kerjasama PINTAR Foundation, CEP mengurangkan ketidakpadanan pekerjaan graduan dan memberi kesedaran pentingnya pilih institusi pendidikan yang tepat.

## PROGRAM MYFUTUREJOBS CAREER LAUNCHPAD (CLP)

Menyediakan platform transisi kerjaya kepada bakal graduan.

Diwujudkan menggunakan elemen-elemen perkhidmatan pekerjaan.

Antaranya meliputi Profiling Kerjaya MYFutureJobs, Pengenalan kepada Jaringan Keselamatan Sosial, Program Kebolehpasaran dan Penerokaan Kerjaya, Sesi Perkongsian bersama Pemain Industri dan Temuduga Kerjaya

## PROTEK ringankan beban keluarga angkat

Program bawa senyuman kepada anak yatim piatu penerima faedah PERKESO.

TERUS proaktif menjaga kebijakan dan mengembalikan keceriaan kepada masyarakat, PERKESO mengambil inisiatif melaksanakan Program Prihatin Keluarga Angkat PERKESO (PROTEK) bermula pada tahun 2019.

Inisiatif tersebut menyasarkan keutamaan membawa senyuman kepada anak-anak yatim piatu penerima faedah PERKESO selepas ibu bapa mereka meninggal dunia.

Program secara berstruktur itu melibatkan lantikan mentor dalam kalangan anggota PERKESO yang akan memastikan anak-anak angkat berkenaan dibantu melalui empat manfaat.



Di samping itu, setiap bulan anggota PERKESO turut menyumbang secara sukarela dalam Tabung Prihatin demi memastikan semua anak penerima faedah tanpa mengira latar belakang, agama dan bangsa tidak terpinggir dalam meneruskan pembelajaran sehingga peringkat tertinggi.

### BANTUAN MELALUI



### MANFAAT

**1** Kelengkapan pakaian sekolah.



Yuran persekolahan seperti PIBG dan lain-lain.

Bantuan program/kursus persediaan peperiksaan/motivasi/kelas tambahan/tuisyen.

**3** Kelengkapan persediaan perayaan.



**18** daripada **222 anak angkat** sedia ada berjaya melanjutkan pengajian di **institusi pengajian tinggi**.

## Tingkat motivasi akademik anak-anak penerima faedah PERKESO

JELAS terpancar keceriaan pada wajah peserta sebaik sahaja Program Resiliensi dan Optimasi Generasi Esok untuk Anak-Anak Penerima Faedah PERKESO (PROGRES) melabuhkan tirai di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah pada Mei lalu.

Selama 3 hari 2 malam peserta terdiri daripada 80 anak-anak penerima faedah PERKESO berumur 15 hingga 17 tahun itu berpeluang mengikuti pelbagai modul disediakan antaranya Kenali Aku, My Team, Sentuhan Qalbu 1, MyFuture dan Varsity Tour.




Bertambah menarik, selebriti motivasi dan pempengaruh, Bro Amin Idris turut hadir menjayakan slot motivasi bagi menyuntik keazaman agar peserta lebih tekad untuk mengubah kehidupan yang lebih baik.

PROGRES adalah usaha sama dengan pihak UUM, fasilitator serta jawatankuasa program merupakan 18 anggota PERKESO yang sedang mengikuti Pengajian Ijazah Pertama Pengurusan Sumber Manusia (Keselamatan Sosial) di universiti berkenaan.

Antara objektif PROGRES adalah untuk meningkatkan kesedaran dan motivasi akademik serta memberi peluang kepada anak-anak daripada keluarga kumpulan penerima faedah PERKESO merasai pengalaman berada di universiti.



## SIAPA YANG LAYAK?



Layari

[sehati.perkeso.gov.my](http://sehati.perkeso.gov.my)



Semak kelayakan



Tetapkan janji temu saringan kesihatan



Akses keputusan saringan kesihatan

- Warganegara Malaysia
- Berusia antara 40 hingga 59 tahun
- Pencarum aktif PERKESO (minimum 1 caruman dalam tahun semasa)
- Minimum 12 bulan caruman dalam Skim Keilatan

Sihat bersama

# SEHATi

Muat turun aplikasi sekarang!

Dapatkan saringan kesihatan secara **PERCUMA** melalui SEHATi.

Kemudahan semakan, janji temu dan keputusan di hujung jari.



Imbas kod QR



Lebih 200,000 individu telah menjalani ujian saringan HSP 3.0 antara Mei 2023 sehingga Mei 2024.

Apakah jenis rawatan dan pemeriksaan yang ditawarkan?



Pemeriksaan fizikal



Saringan kesihatan mental



Khidmat kaunseling



Pemeriksaan darah & air kencing

- Komposisi Darah Merah
- Ujian Kencing Manis
- Ujian Kolesterol
- Ujian Air Kencing
- Saringan Kanser Pangkal Rahim/Serviks

- Saringan Kanser Usus dan Hati
- Ujian Fungsi Ginjal
- Ujian Fungsi Hati
- Saringan Mamogram (Kanser Payudara)